

## **LAMPIRAN A**

### **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

#### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

#### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

#### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

#### **4. BARANG-BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

#### **5. PENYETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujuterima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

#### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

#### **7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah perkhidmatan mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

#### **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengikut barang-barang yang ditolak itu.

- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju hanya kepada bidangkuasa Mahkamah.

**11. INSURAN**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**13. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**14. MATAWANG**

Sebut harga berasingan.

**15. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

**LAMPIRAN B****SKOP PEROLEHAN PERKHIDMATAN**

<b>BIL</b>	<b>SKOP PERKHIDMATAN</b>	<b>KEKERAPAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	<b>PEMOTONGAN RUMPUT</b>  Kerja-kerja pemotongan rumput di seluruh kawasan Tapak Ekspo Seberang Jaya termasuk kerja-kerja pembersihan semula rumput yang telah dipotong dan kerja-kerja pembuangan rumput ke tempat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	Sekurang-kurangnya sebulan 2 kali pada minggu pertama dan minggu ke-3	
2.	<b>SEMBURAN RACUN RUMPAI</b>  Kerja-kerja semburan racun rumpai di kawasan tertentu di Tapak Ekspo Seberang Jaya seperti longkang, celahan pagar, laluan pejalan kaki dan sebagainya.	Sekurang-kurangnya sebulan sekali	
<b>JUMLAH BULANAN</b>			
<b>JUMLAH SETAHUN (JUMLAH BULANAN X 12 BULAN)</b>			

*\*Penyebutharga adalah dinasihatkan untuk menyemak semula dan memastikan jumlah keseluruhan yang dibawa ke Borang Sebut Harga (LAMPIRAN Q) adalah betul dan sebarang kesilapan dari segi pengiraan pada Skop Perolehan Perkhidmatan dan Borang Sebut Harga akan mengakibatkan penyertaan penyebutharga ditolak.*

Tandatangan  
Penyebut Harga : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Alamat Syarikat : .....

.....

.....

.....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

## LAMPIRAN C

### SYARAT-SYARAT KHAS

#### PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DI TAPAK EKSPO SEBERANG JAYA

##### 1. TEMPAT DAN TEMPOH PERKHIDMATAN

- 1.1 Perkhidmatan pemotongan rumput yang diperlukan adalah di **Tapak Ekspo, Jalan Jelawat, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.**
- 1.2 Tempoh perkhidmatan yang dikehendaki adalah selama **satu (1) tahun.**

##### 2. JADUAL KERJA BULANAN

- 2.1 **Jadual Kerja Bulanan** adalah seperti berikut:

SESI	SKOP PERKHIDMATAN	TEMPOH	JUMLAH PEKERJA
<b>PERTAMA</b>	Pemotongan rumput seluruh kawasan	<b>Minggu pertama setiap bulan</b>	Sekurang-kurangnya 3 orang
	Semburan racun rumpai	<b>Minggu pertama setiap bulan</b>	Sekurang-kurangnya seorang
<b>KEDUA</b>	Pemotongan rumput seluruh kawasan	<b>Minggu ketiga setiap bulan</b>	Sekurang-kurangnya 3 orang
	Semburan racun rumpai	-	-

##### 3. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

###### 3.1 Tanggungjawab Syarikat

- 3.1.1 Kontraktor bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput seperti Skop Perolehan Perkhidmatan dan Jadual Kerja Bulanan yang telah ditetapkan.

- 3.1.2 Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk pemotongan rumput di keseluruhan Tapak Ekspo Seberang Jaya sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan iaitu pada awal dan pertengahan setiap bulan. Setiap sesi pemotongan rumput hendaklah meliputi seluruh kawasan Tapak Ekspo Seberang Jaya.
- 3.1.3 Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk kerja semburan racun rumpai di kawasan-kawasan tertentu Tapak Ekspo Seberang Jaya seperti di dalam longkang, celahan pagar, laluan pejalan kaki dan kawasan-kawasan yang akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya sekali sebulan iaitu pada awal setiap bulan. Setiap sesi semburan hendaklah meliputi seluruh kawasan yang telah ditetapkan.
- 3.1.4 Kontraktor dilarang sama sekali membakar rumput yang telah dipotong dan hendaklah memastikan rumput dibuang dan diangkut ke tempat pembuangan sampah yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Segala kos yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan tersebut termasuk kos pengangkutan adalah dibawah tanggungan pihak kontraktor.
- 3.1.5 Semua pekerja Kontraktor dikehendaki melaporkan diri kepada Penyelia Tapak sebelum menjalankan kerja-kerja pembersihan. Kontraktor juga dikehendaki menyediakan borang kehadiran bertugas untuk disertakan bersama dengan dokumen tuntutan bayaran.
- 3.1.6 Kontraktor bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kecuaian yang disebabkan oleh pekerjanya ke atas mana-mana harta Kerajaan Negeri di dalam Tapak Ekspo Seberang Jaya dan dikehendaki membayar kerugian yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pemberitahuan akan dibuat secara bertulis dan Kontraktor dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh tujuh hari (7) hari selepas menerima pemberitahuan tersebut. Sekiranya Kontraktor gagal membuat bayaran, Kerajaan Negeri berhak membuat potongan amaun dari bayaran perkhidmatan kepada Kontraktor.

- 3.1.7 Kontraktor adalah dikehendaki mengambil satu polisi insuran iaitu "*Workmens Compensation and Public Liability*" (Pampasan Pekerja dan Insuran Tanggungan Awam) bagi menjamin diri Kontraktor dan Kerajaan Negeri daripada apa-apa tuntutan pampasan / gantirugi atau segala perbelanjaan yang ditimbulkan bersabit dengan apa-apa perkara kerosakan, kehilangan barang atau kecederaan jika berlaku oleh kerana kelalaian atau kesilapan Kontraktor atau pekerjanya.
- 3.1.8 Kontraktor dikehendaki meletakkan papan tanda atau amaran di tempat-tempat berkenaan semasa kerja pembersihan sedang dilaksanakan.
- 3.1.9 Kontraktor dikehendaki mengambil segala tindakan mencegah berlakunya sebarang kemalangan dan mementingkan keselamatan pekerja dan juga orang awam semasa menjalankan kerja-kerja.
- 3.1.10 Segala perbelanjaan seperti kos cukai setem atau kos yang bersangkutan dengan penyediaan Perjanjian Perkhidmatan hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

### **3.2 Pekerja Kontraktor**

- 3.2.1 Kontraktor bertanggungjawab ke atas pemilihan ataupun pengambilan pekerja-pekerja yang dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna.
- 3.2.2 Kontraktor dikehendaki melantik seorang Penyelia yang akan berurusan dengan Kerajaan Negeri atau wakilnya. Penyelia tersebut juga akan memastikan pekerja-pekerjanya menjalankan kerja-kerja dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya.

### **3.3 Pakaian / Kelengkapan Pekerja**

- 3.3.1 Pekerja-pekerja yang dilantik oleh Kontraktor dikehendaki memakai pakaian seragam yang mudah dikenali.

3.3.2 Semua pekerja hendaklah dilengkapkan dengan kelengkapan berkaitan dengan kerja-kerja pembersihan dan peralatan-peralatan lain yang difikirkan perlu.

### **3.4 Disiplin**

3.4.1 Kontraktor bertanggungjawab di atas kelakuan dan disiplin pekerja-pekerjanya. Kawasan Tapak Ekspos Seberang Jaya, Pulau Pinang tidak dibenarkan digunakan oleh pekerja-pekerja bagi apa-apa tujuan tanpa kebenaran Kerajaan Negeri.

3.4.2 Kontraktor serta pekerja-pekerjanya tidak dibenarkan membawa atau membenarkan orang-orang yang tidak berkenaan masuk ke dalam kawasan Tapak Ekspos Seberang Jaya, Pulau Pinang, melainkan mereka yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja-kerja dalam perjanjian ini.

3.4.3 Pekerja-pekerja haruslah berkelakuan baik dan jujur. Mana-mana pekerja yang berkelakuan tidak disenangi oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya boleh diarahkan keluar dari kawasan Tapak Ekspos Seberang Jaya, Pulau Pinang dan tidak akan dibenarkan bekerja lagi. Pekerja-pekerjanya juga tidak dibenarkan mengambil apa-apa barang milik Kerajaan Negeri.

### **3.5 Pembayaran**

3.5.1 Pembayaran bulanan akan dibuat dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima dokumen tuntutan yang sempurna dan teratur daripada syarikat berdasarkan sebut harga yang ditawarkan dan Laporan Perkhidmatan yang disahkan oleh Penyelia Tapak.

3.5.2 Bayaran penuh hanya akan dibuat berdasarkan kualiti dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat kontraktor. Penilaian adalah berdasarkan kepada kaedah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan Pemotongan Rumput

Keseluruhan Tapak Ekspo telah dibahagikan kepada 4 zon (sila rujuk **Pelan Tapak – LAMPIRAN E**). Jumlah bayaran bulanan yang ditetapkan oleh syarikat kontraktor akan dibahagikan kepada 2 sesi dan setiap sesi akan melibatkan 4 zon. Sekiranya terdapat mana-mana kawasan yang berada dalam zon tersebut tidak dilakukan pemotongan rumput dengan sempurna, maka potongan bayaran akan dibuat ke atas zon tersebut. Formula pengiraan bagi zon-zon yang tidak disempurnakan bagi setiap sesi adalah seperti berikut:

Contoh Pengiraan Kadar Yang Akan Ditolak:

Jumlah Bayaran Perkhidmatan : RM1,000.00 sebulan  
= RM1,000.00 sebulan dibahagi kepada 2 sesi  
= RM500.00 per sesi dibahagi kepada 4 zon  
= RM125.00

Sekiranya syarikat kontraktor tidak menyempurnakan perkhidmatan seperti berikut:

(a) Sesi Pertama (Minggu Pertama):

Jumlah Zon Yang Tidak Disempurnakan : 1 zon

(b) Sesi Kedua (Minggu Ketiga):

Jumlah Zon Yang Tidak Disempurnakan : 1 zon

Jumlah Keseluruhan Zon Yang Tidak Disempurnakan : 2 Zon

Jumlah Potongan : 2 Zon X RM125.00 = RM250.00

Jumlah Yang Akan Dibayar Kepada Syarikat Kontraktor adalah seperti berikut:

= Jumlah Bayaran Perkhidmatan (tolak) Jumlah Potongan  
= RM1,000.00 sebulan (tolak) RM250.00  
= RM750.00

(ii) Perkhidmatan Semburan Racun Rumpai

Sekiranya, syarikat kontraktor tidak menjalankan perkhidmatan semburan racun rumpai dengan sempurna dan tidak merangkumi keseluruhan kawasan yang ditetapkan, maka kadar potongan adalah berdasarkan kadar yang dinyatakan oleh syarikat kontraktor seperti mana Borang **Skop Perolehan Perkhidmatan (LAMPIRAN B)**.

### **3.6 Hal-Hal Lain**

- 3.6.1 Semua arahan tambahan yang diberi secara bertulis atau lisan oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya hendaklah dipatuhi.